

NAMA : MUHAMMAD HAFIZZUL BIN ABDUL MANAP (A20EC0211)

SECT : 30

UHMS 1182 -30 PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN

1. Apa yang telah kamu pelajari daripada kursus etika dan peradaban?

Kursus Etika dan Peradaban ini telah banyak memberikan pembelajaran dan pengajaran terhadap diri saya. Telah banyak informasi dan maklumat yang berguna telah saya perolehi sepanjang tempoh pembelajaran ini. Kursus ini menerangkan tentang konsep etika daripada perspektif peradaban yang berbeza. Saya telah mempelajari apakah itu etika dan konsep etika sepanjang pembelajaran ini. Banyak yang telah saya ketahui sewaktu mempelajari konsep etika ini. Konsep etika ini juga mempunyai pandangan yang berbeza dari beberapa peradaban yang ada. Contohnya, saya telah mempelajari konsep etika beserta pengertiannya berdasarkan pandangan dari peradaban Barat, peradaban India, peradaban China, dan juga peradaban Arab. Semua peradaban ini membincangkan tentang pengertian etika dan bagaimana ianya mempengaruhi kelakuan seseorang untuk menjadi lebih baik. Saya juga telah mempelajari prinsip-prinsip asas etika di awal kursus ini dimana terdapat lima prinsip asas iaitu prinsip nilai manusia, prinsip kebaikan dan keburukan, prinsip keadilan dan kesaksamaan, prinsip kejujuran, dan prinsip kebebasan. Semua ini telah mengajar saya untuk memahami konsep etika ini dengan lebih mendalam.

Kursus ini juga turut bertujuan untuk mengenal pasti sistem, tahap perkembangan, kemajuan dan kebudayaan sesuatu bangsa dalam mengukuhkan kesepaduan sosial. Sepanjang kursus ini, Saya dapat mempelajari bagaimana sesebuah peradaban mampu berkembang dan maju sehingga ke hari ini. Telah banyak peradaban yang saya tahu sewaktu mempelajari kursus ini. Antaranya ialah seperti peradaban Jepun, masyarakat ketika zaman revolusi perindustrian dan sebagainya. Perkara ini telah banyak memberikan input input penting dan perkara yang saya tidak tahu sebelum ini. Saya juga telah banyak mempelajari budaya budaya yang ada dalam setiap peradaban. Tidak dilupakan juga, saya juga dapat mengetahui bagaimana sesebuah tamadun dan peradaban dapat mengekalkan kegemilangannya sehingga ke hari ini.

Selain itu, kursus ini turut membincangkan hal berkaitan isu-isu kontemporari dalam aspek ekonomi, politik, sosial, budaya, dan alam sekitar daripada perspektif etika. Hal ini sememangnya dapat melahirkan seorang insan yang mempunyai nilai moral dan sifat profesional. Ketika mempelajari kursus ini, saya dapat mengetahui keadaan dan juga isu-isu semasa yang dihadapi bukan sahaja di Malaysia malah juga dapat mengetahui perkara lain yang berada di luar negara. Hal-hal dan isu semasa seperti keadaan ekonomi, politik dan sosial juga turut dibincangkan dalam kursus ini. Ianya telah membuka mata saya untuk terus mempelajari sesuatu yang baharu agar tidak ketinggalan terutamanya dalam hal-hal yang penting.

Pada akhir kursus ini, saya juga dapat menghubungkan etika dan kewarganegaraan berminda sivik. Saya dapat memahami sepenuhnya konsep etika yang telah saya pelajari ini. Ia sememangnya perkara yang baik dan berfaedah untuk dipelajari. Perkara-perkara seperti ini sewajarnya diaplikasikan dalam kehidupan seharian agar dapat mencapai keharmonian dan kesejahteraan. Masyarakat juga akan lebih aman dan saling bertolak ansur sekiranya memahami konsep etika dengan baik. Perkara ini dapat menjadikan usaha-usaha untuk memajukan dan memodenkan negara berjalan lancar.

2. Bagaimana kamu boleh praktik atau amalkan perkara-perkara yang telah kamu pelajari pada kursus etika dan peradaban ini dalam kehidupan seharian?

Melalui kursus etika dan peradaban ini, telah banyak perkara yang telah saya pelajari. Perkara-perakara ini sememangnya baik dan memberikan banyak faedah dan kebaikan. Antaranya ialah saya dapat memahami dan mengerti konsep etika dan juga konsep peradaban. Perkara ini telah banyak mengajar saya perkara yang saya tidak tahu sebelum ini. Akan tetapi, sekadar mempelajari sahaja tidak cukup, malah sewajarnya dipraktikkan dan diamalkan dalam kehidupan seharian.

Sebagai seorang individu, saya boleh mempraktikkan apa yang saya pelajari dari kursus etika dan peradaban ini dengan menjadikan etika sebagai panduan hidup di dalam kehidupan seharian. Hal ini kerana di dalam konsep etika, terdapat beberapa prinsip yang sememangnya baik dan bermanfaat. Ianya bukan sahaja membawa kebaikan kepada individu, malah turut membawa kebaikan kepada keluarga, masyarakat dan negara. Prinsip prinsip yang dinyatakan adalah seperti prinsip nilai manusia, prinsip kebaikan dan keburukan, prinsip keadilan dan kesaksamaan, prinsip kejujuran, dan prinsip kebebasan. Prinsip prinsip ini sememangnya baik dan wajar dijadikan panduan di dalam kehidupan seharian. Melalui prinsip prinsip ini, kita dapat melihat bahawa ianya mendorong seseorang untuk sentiasa melakukan perkara yang benar. Sekiranya saya berpegang dengan prinsip ini, saya dapat mengelakkan dan menjauhkan diri saya dari melakukan perkara perkara yang salah dan mungkin juga boleh membawa kemudaratan kepada orang di sekeliling saya. Oleh itu, tindakan saya dengan menjadikan etika sebagai panduan hidup amatlah wajar dan tepat bagi mengatur kehidupan saya di kemudian hari.

Selain itu, saya dapat mengamalkan perkara yang telah saya pelajari ini dengan memulakan langkah saya sebagai seorang pelajar. Sebagai seorang pelajar, saya sewajarnya bertindak dengan sentiasa menghormati pandangan orang lain. Setiap pandangan dan pendapat yang diberi dan dilontarkan seharusnya dihormati. Sekiranya pendapat pendapat saling bercanggah, kita tidak seharusnya memulakan pergaduhan, sebaliknya berbincang dengan baik untuk menghasilkan idea yang lebih berguna dan bermanfaat. Perkara ini dapat mengelakkan

timbulnya kebencian di dalam diri seseorang apabila pendapat yang diberikan diterima seterusnya dapat menjaga hubungan dengan setiap orang.

Kesimpulannya, kursus ini telah banyak memberikan pengajaran kepada saya untuk meneruskan kehidupan sebagai seorang pelajar dan rakyat di negara ini. Segala yang telah dipelajari tidak sepatutnya diabaikan, malah kita seharusnya mempraktikkan dan mengamalkan apa yang telah kita pelajari di dalam kehidupan seharian kita. Tambahan pula, ianya turut memberikan kebaikan bukan sahaja kepada individu malah turut membawa faedah kepada keluarga, masyarakat, dan negara. Langkah langkah yang betul sewajarnya diambil oleh setiap orang agar keamanan dan kesejahteraan yang kita idami boleh direalisasikan.